

09 MAR 2002

Abdullah-Ulama

KEANGGOTAAN MAJLIS PERUNDINGAN ULAMA TIDAK TERHAD KPD PAKAR AGAMA

PULAU PINANG, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan bahawa keanggotaan Majlis Perundingan Ulama yang dicadang diwujudkan tidak terhad kepada pakar agama sahaja.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pihaknya berharap apabila tiba masanya kelak, pakar-pakar yang mempunyai kepakaran tertentu yang perlu akan turut dijemput untuk menganggotai majlis itu.

"Kerajaan mungkin menjemput pakar-pakar tertentu seperti sosiologi, teknologi maklumat atau kedoktoran untuk menjadi pakar rujuk dalam majlis itu," katanya pada sidang berita selepas menghadiri Rumah Terbuka Hari Raya Aidil Adha Liga Muslim Pulau Pinang di sini.

Sebagai contoh, beliau berkata, rujukan seperti itu pernah dilakukan oleh Prof Diraja Ungku Aziz apabila merujuk kepada Sheikh al-Azhar untuk mendapatkan pandangan beliau mengenai cadangan penubuhan Tabung Haji dahulu.

Prof Ungku Aziz adalah seorang pakar ekonomi manakala Sheild al-Azhar adalah pakar agama yang disegani, katanya.

Abdullah berkata, pertemuan pakar-pakar tertentu juga perlu untuk mencapai persetujuan sesuatu isu, disegi teknikal, agar keputusan yang dibuat akan menjadi lebih berkesan.

"Dengan itu, Majlis Perundingan Ulama dapat membincangkan sesuatu isu dengan lebih objektif dan bermanfaat," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, majlis itu terbuka kepada semua yang mempunyai kepakaran tetapi tidak akan menjadi wakil sesuatu pertubuhan atau persatu.

Ini untuk mengelak mereka menegakkan pendirian sesuatu pertubuhan atau persatuan yang mereka wakili, katanya.

Menurutnya, beliau telah meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin mencadangkan nama-nama yang sesuai untuk menganggotai Majlis berkenaan.

"Nama-nama itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ditubuhkan secepat mungkin," katanya.

Menurutnya, Majlis itu juga akan mempunyai banyakperaturan selepas diwujudkan kelak dan cara perundingan akan dilakukan dengan cara mudah sekali.

-- BERNAMA

AHM FAZ